

# DEQUA LOZENGES

Dequalinium Chloride (250 mcg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dequa 250mcg Lozenges
2. Bagaimana Dequa 250mcg Lozenges berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dequa 250mcg Lozenges
4. Cara menggunakan Dequa 250mcg Lozenges
5. Semasa menggunakan Dequa 250mcg Lozenges
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dequa 250mcg Lozenges
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dequa 250mcg Lozenges

Digunakan untuk jangkitan ringan mulut dan tekak

## Bagaimana Dequa 250mcg Lozenges berfungsi

Dequalinium Chloride adalah pembunuh bakteria dan menghalang pertumbuhan kulat.

## Sebelum menggunakan Dequa 250mcg Lozenges

- Bila tidak boleh menggunakan

*Mengandung dan menyusukan anak*

Tiada laporan berkaitan kesan-kesan advers ubat

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Dequa 250mcg Lozenges

- Sebelum mula menggunakan Dequa 250mcg Lozenges

Beritahu doktor jika anda mempunyai masalah hipersensitif pada Dequalinium atau bahan-bahan lain dalam produk ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Dequa 250mcg Lozenges

- Berapa banyak harus digunakan

Dos satu lozenge diambil 6 kali sehari.

Larutkan dengan perlahan di dalam mulut tanpa mengunyah. Dos perlu diselaraskan dalam pertimbangan keparahan simptom-simptom.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dequa 250mcg Lozenges untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada laporan berkaitan dengan terlebih dos

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Dequa 250mcg Lozenges

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dequa 250mcg Lozenges.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Dequa 250mcg Lozenges kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

## Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan Dequa 250mcg Lozenges dan simptom-simptom yang tidak diingini belum lagi diperhatikan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Dequa 250mcg Lozenges

Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak Lindungi daripada cahaya Simpan di tempat kering di bawah 30°C Pastikan bekas ditutup rapat

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Lozenge berwarna kuning yang tidak bersalut berperisa lemon, berbentuk bulat, dwi cembung dan bertanda DEQ

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Dequalinium Chloride

- Bahan-bahan tidak aktif  
Quinoline Yellow, Aerosol 200, Magnesium Stearate, Lactose, Aspartame, Sodium Saccharin, Mannitol, Lemon Flavour, Gelatin 240/250 Bloom.

# DEQUA LOZENGES

Dequalinium Chloride (250 mcg)

---

- *Nombor MAL*  
MAL19971765X

**Pengilang & Pemegang Pendaftaran  
Produk**

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

19/03/2018

**Nombor siri:**

NPRA(R4/1)160318/00071